

**Jenis Akhbar** : HM Online  
**Tarikh** : 13/09/2024  
**Edisi / Muka Surat** : <https://www.hmetro.com.my/>  
**Tajuk** : ANGKASA sasar kutip infaq RM7j

## Angkasa sasar kutip infaq RM7j



Dr Abdul Fattah (dua dari kiri) menyampaikan sijil penghargaan selepas perasmian Penutupan Makan Malam Global Conference On Waqf, Technology and Bussiness Economic (G-CWTBE) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota Pengkalan Chepa. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kota Bharu: Yayasan Infaq Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menyasarkan kutipan sumbangan infaq sebanyak RM7 juta sepanjang tahun ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata kutipan sasaran infaq itu membabitkan ahli mereka seramai 7.2 juta orang selain pihak luar.

Katanya, sehingga Ogos lalu, pihaknya berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM2 juta dan berharap lebih ramai membuat sumbangan.

"Untuk Angkasa sendiri, setiap tahun kita akan menginfaqkan sebanyak RM1.5 juta kepada Yayasan Infaq Angkasa, manakala lain-lain diberikan oleh pihak luar dan ahli.

"Ada di kalangan ahli membuat potongan gaji kepada Yayasan Infaq dengan jumlah keseluruhan lebih RM90,000 sebulan dan kita berharap lebih ramai tampil berbuat demikian.

"Kita menyasarkan jumlah kutipan infaq bertambah kepada RM7 juta setahun bermula tahun ini dengan purata setiap orang menderma hanya RM1 sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutup Persidangan Global Teknologi Wakaf dan Ekonomi Perniagaan dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK), di sini, malam kelmarin.

Menurutnya, sejak Yayasan Infaq Angkasa ditubuhkan pada 2010, pihaknya berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM30 juta dan sebanyak RM17 juta dibelanjakan untuk aktiviti wakaf dengan pembelian bangunan.

Katanya, bangunan terbabit dibeli untuk dijadikan premis perniagaan dengan kadar sewaan rendah kepada mereka yang berminat.

"Itu matlamat kita dan kita juga menyasarkan setiap negeri akan mempunyai satu bangunan wakaf bagi membantu memperkukuhkan ekonomi setempat," katanya.

**Disiarkan pada: September 13, 2024 @ 7:01am**